

08/08/2001

Pas perlu perjelas isu negara Islam

Insan Sedar

SAYA bersetuju dengan cabaran yang dikemukakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Pas iaitu parti itu perlu memperinci negara Islam yang bakal dibentuk Pas.

Ini kerana Pas perlu memberi fahaman yang lebih jelas kepada rakyat mengenai negara Islam yang ingin dibentuk kerana hal ini sering diuar-uarkan dalam ceramah dan kempen untuk menarik orang ramai supaya menyokong Pas.

Apa yang amat mengecewakan saya terhadap pemimpin Pas ialah cabaran itu tidak disahut, malah Pas memberi alasan yang tidak boleh diterima.

Apa salahnya jika Pas memperincikan negara Islam yang ingin dibentuk. Bukankah mereka lebih arif mengenai perkara itu dan kononnya berpandukan al-Quran sehingga berani untuk menjadikan negara ini negara Islam.

Sepatutnya Pas telah lama bersiap sedia untuk menghadapi persoalan yang akan timbul jika ingin membentuk kerajaan Islam. Bukannya mencari alasan atau dolak-dalik yang pelbagai.

Saya berpendapat Pas tidak perlu menunggu untuk memerintah negara ini terlebih dahulu untuk membentuk negara Islam sekali gus melaksanakan hukum hudud sedangkan banyak perkara lain lagi yang perlu dipersiapkan serta diperbetulkan oleh Pas.

Pas sudah sedia maklum bahawa negara ini mempunyai pelbagai kepercayaan agama, keturunan dan suku kaum. Bagaimanakah negara Islam yang ingin dibentuk oleh Pas? Adakah hukum hudud hanya dijalankan untuk orang Melayu (Islam) atau seluruh rakyat Malaysia. Oleh kerana itulah Pas perlu memperincikan bentuk negara Islam yang ingin dilaksanakan Pas.

Saya amat inginkan penerangan dan penjelasan Pas bukan untuk saya saja, malah untuk semua rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama. Dengan penjelasan itu, rakyat lebih jelas dan masyarakat bukan Islam dapat memahami keadaan dan perundangan yang mereka terima jika negara Islam ditubuhkan.

Saya juga ingin menyarankan Pas membuat pungutan suara untuk mendapatkan persetujuan semua rakyat kerana pakatan parti pembangkang sendiri turut mempertikaikan cadangan Pas.

Selain itu, mandat yang ada pada Pas patut menjadikan Kelantan dan Terengganu sebagai model pemerintahan Islam supaya rakyat dapat mempercayai kebolehan dan kemampuan Pas.

Bukannya hanya sekadar melaungkan cogan "Kepimpinan Ulama" dan kedua-dua negeri itu bergelar "Serambi Makkah" dan "Serambi Madinah" tetapi tidak mendatangkan manfaat dan makna.

Saya bimbang jika Pas membohongi rakyat apabila Pas dapat memerintah negara ini.

Apa yang saya takutkan isu negara Islam dan pelaksanaan hukum hudud hanyalah mainan politik melampau dan sekadar sandiwara Pas untuk memerintah negara ini dengan cara mempergunakan kesucian dan keagungan agama Allah (Islam).

Dulu saya antara ribuan penyokong Pas, tetapi kecewa dengan sikap dolak-dalik dan gila kuasa pemimpin Pas. Kini saya menyanjung sepenuhnya kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.